

Kerugian banjir kilat dianggar lebih RM2j

KAJANG: Banjir kilat di bandar ini yang ditaksir mencatat kerugian lebih RM2 juta kepada 103 pemilik premis perniagaan, kelmarin, dipercayai berpunca daripada paras air Sungai Jelok yang naik mendadak akibat hujan lebat selama dua jam.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (YDP MPKj), Datuk Hasan Nawawi Abd Rahman, berkata maklumat dari Bahagian Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan jumlah hujan sebanyak 71 milimeter (mm) direkodkan di bandar ini, petang kelmarin, sekali gus menyebabkan paras air Sungai Jelok naik mendadak hingga melepasi paras bahaya.

“Pertembungan arus Sungai Jelok dan Sungai Langat yang tidak mampu menampung jumlah air masuk melalui sistem perparitan sedia ada lalu menyebabkan paras air naik mendadak.

“Keadaan Ini berlaku kira-kira dua jam hingga mengakibatkan orang ramai yang berurusan di sekitar bandar ini terkepung oleh banjir,” katanya pada sidang media di Plaza Metro Kajang di sini, semalam.

Berita Minggu difahamkan, banjir kilat di bandar ini mengakibatkan kerugian RM2.1 juta kepada 103 premis perniagaan, berdasarkan bancian Bahagian Penguatkuasa MPKj sehingga jam 5 petang semalam.

Laporan penuh berhubung kejadian itu dikatakan akan dikemukakan kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dengan keputusan berhubung bayaran pampasan terhadap peniaga terbabit, diperoleh minggu depan.

Hasan Nawawi berkata, anggota penguat kuasa MPKj sudah mengambil tindakan awal dengan membersihkan sampah sarap yang dihanyutkan arus banjir.

Beliau berkata, Sungai Jelok dirancang dinaik taraf dalam Projek Menaik Taraf Sungai Jelok Fasa Dua, selewat-lewatnya awal Februari depan.